

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Fuziah: Redzuan tiada kaitan dalam isu Lynas</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
2.	<u>Jawatankuasa penilaian Lynas kaji instrumen penghantaran sisa ke Australia</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
3.	<u>Lynas: Gerakan pertikai pemimpin PH bertelagah</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
4.	<u>Sisa buangan Lynas: Kerajaan bekerjasama dengan Australia</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
5.	<u>4,021 keluarga layak terima rebat elektrik di Kedah</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
6.	<u>Lynas is not under Entrepreneur Development Ministry's purview, says Kuantan MP</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
7.	<u>Come clean on stance in Lynas issue, gov't told</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
8.	<u>No suggestion that Lynas contributes to the increase of heavy metals in underground water</u>	EdgeProp	Klik pada tajuk berita
9.	<u>Redzuan told to zip it, Lynas does not fall under his ministry</u>	The Star	Klik pada tajuk berita
10.	<u>Cabinet hasn't decided on Lynas waste; Yeo has to 'take responsibility' for her statement, says Mohd Redzuan</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita

11.	<u>Govt wants to collaborate with Australia on Lynas waste / Aussie govt help needed to send Lynas waste back</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 1
12.	<u>Malaysia seeks Australia's collaboration to ship out Lynas waste</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
13.	<u>Lynas waste: Gov't wants to collaborate with Australia</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
14.	<u>Malaysia turns up heat on Australia over Lynas waste</u>	www.afr.com	Klik pada tajuk berita
15.	<u>Lynas nothing to do with Entrepreneur Development Ministry, says Fuziah</u>	The Malaysian Insight	Klik pada tajuk berita
16.	<u>No decision on waste, says minister as crack in Cabinet widens over Lynas</u>	Free Malaysia Today	Klik pada tajuk berita
17.	<u>Response to 'Minister: Putrajaya mulls new law to make polluters pay for clean-ups and damages to environment' — Ang Hean Leng</u>	Malay mail	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Menteri Pembangunan Usahawan tiada hak ulas hal Lynas / Redzuan tiada hak ulas hal Lynas: Fuziah</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 2
19.	<u>Redzuan: Pendirian Yeo isu Lynas bukan keputusan kabinet</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
20.	<u>Lynas terlalu besar untuk diabaikan: Redzuan / 'Lynas perlu terus beroperasi'</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 3
21.	<u>Renewable energy: Ministers, communities, international experts agree on way forward</u>	Aliran.com	Klik pada tajuk berita

22.	<u>Ministers in discord over Lynas issue</u>	The Edge Markets	Klik pada tajuk berita
23.	<u>Radioactive waste standoff could slash high tech's supply of rare earth elements</u>	sciencemag.org	Klik pada tajuk berita
24.	<u>Bukan lombong pasir</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
25.	<u>Kerja gali, tambak tanah dihentikan secara sukarela</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
26.	<u>Baju seragam Adib mungkin dibasuh sebelum diserahkan pada polis</u>	Malaysiakini	Klik pada tajuk berita
27.	<u>Fenomena belalai air disebabkan angin kencang</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
28.	<u>Climate change causing more waterspouts near Penang</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran
29.	<u>Bujang, former CEO of Malaysia's MAVCAP, joins Gobi Partners</u>	dealstreetasia.com	Klik pada tajuk berita
30.	<u>Sisa buangan Lynas akan diserahkan kepada Australia</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 4
31.	<u>Perkasa syarikat lokal</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 5
32.	<u>Isu Sungai Kim Kim menuntut tindakan berkesan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 6
33.	<u>Bersedia hadapi perubahan iklim</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 7
34.	<u>Suhu melampau jejas kesihatan</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 8
35.	<u>Belalai air landa Tanjung Tokong</u>	Kosmo	Rujuk

			lampiran 9
36.	<u>Lynas: Apa pendirian sebenar PH?</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 10
37.	<u>Mohd. Redzuan tiada locus standi – Fuziah</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 11
38.	<u>Pelaburan Lynas ‘terlalu besar’ untuk diabaikan</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 12

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
39.	<u>Gov’t looking for “best solution” to deal with Lynas waste</u>	The Sun Daily	Klik pada tajuk berita
40.	<u>TNB boosts 1,700MW renewable energy target with RM180m LSS project in Kedah / TNB building RM180m solar plant in Kedah</u>	New Straits Times	Klik pada tajuk berita dan Rujuk lampiran 13
41.	<u>Belalai air cemasikan penduduk Pulau Pinang</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
42.	<u>Rebat RM40, alhamdulillah</u>	Harian Metro	Klik pada tajuk berita
43.	<u>Lebih 4,000 layak terima rebat elektrik sedang dikesan</u>	Berita Harian	Klik pada tajuk berita
44.	<u>TNB bangunkan projek LSS RM180j di Bukit Selambau</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
45.	<u>Pendidikan sebagai solusi jangka panjang pencemaran</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
46.	<u>Masih ada pelajar trauma, tak hadir sekolah</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita

47.	<u>Pindah kilang di Pasir Gudang ke lokasi lain</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
48.	<u>Kawasan industri perlu ada data dasar kualiti udara</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
49.	<u>Kedah lancar kempen hari tanpa beg plastik</u>	Sinar Harian	Klik pada tajuk berita
50.	<u>TNB terus komited bangunkan tenaga mesra alam</u>	Sinar Harian	Rujuk lampiran 14
51.	<u>Waterspout damages 15 village homes in Penang</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 15
52.	<u>Sesuaikah STEM?</u>	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 16
53.	<u>CoolSaver to produce energy saving devices locally</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 17
54.	<u>TNB komited bangunkan tenaga mesra alam</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 18
55.	<u>Kios Aiskrim Tenaga Suria</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 19
56.	<u>Amukan Belalai Air</u>	Harian Metro	Rujuk lampiran 20
57.	<u>Science, Technology & Innovation: The Bedrock of Economic Development</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 21
58.	<u>Mud floods damage 25 homes</u>	The Star	Rujuk lampiran 22
59.	<u>Waste contractor fired for illegal dumping</u>	The Star	Rujuk lampiran 23
60.	<u>Many students affected by toxic fumes still not at school</u>	The Star	Rujuk lampiran 24

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
61.	<u>Selatan Filipina dilanda gempa bumi</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
62.	<u>Gempa bumi gegar sempadan Iran dan Iraq</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
63.	<u>27 maut, 600 orang cedera dalam ribut di Nepal</u>	Utusan Malaysia	Klik pada tajuk berita
64.	<u>India launches satellite to detect enemy radar</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 25
65.	<u>Freak Nepal Storm kills 27, injures hundreds</u>	The Sun Daily	Rujuk lampiran 26
66.	<u>28 maut, ribut badai Nepal</u>	Berita Harian	Rujuk lampiran 27
67.	<u>Worsening air pollution reducing lifespans</u>	The Star	Rujuk lampiran 28
68.	<u>Asean leaders shrug off pollution to focus on regional issues</u>	The Star	Rujuk lampiran 29
69.	<u>Catat rekod suhu paling panas selama empat bulan berturut-turut: Australia terus dilanda bahang</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 30
70.	<u>Ribut mengejut ragut 27 nyawa di Nepal</u>	Kosmo!	Rujuk lampiran 31
71.	<u>Air pollution kills</u>	New Straits Times	Rujuk lampiran 32

LAMPIRAN 1
NEW STRAITS TIMES (NEWS / PARLIAMENT): MUKA SURAT 10
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

BEFORE SEPTEMBER

Aussie govt help needed to send Lynas waste back

KUALA LUMPUR: The Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Ministry wants to collaborate with the Australian government to ensure waste from Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) is sent to Australia.

Deputy Minister Isnaraissah Munirah Majilis said the collaboration involved finding ways to remove Lynas' water leached purification (WLP) waste to be sent to Australia before September.

She said minister Yeo Bee Yin



The Lynas factory in Kuantan. (Inset) Deputy Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change Minister Isnaraissah Munirah Majilis.

had written a letter to her Australian counterpart on Feb 26 about the removal of the waste from Malaysia to Australia.

She was responding to a ques-

tion from Wong Chen (PKR-Subang) in Parliament on the government's measures to ensure the waste was sent to Australia.

Isnaraissah said at the same time, a task force set up by the government was identifying international procedures and instruments for removing

WLP residue.

She said it would take into account legal, public and workers' safety and the environment. **Bernama**

LAMPIRAN 2
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Redzuan tiada hak ulas hal Lynas: Fuziah

KUALA LUMPUR – Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof tidak mempunyai 'locus standi' untuk mengulas lanjut berkaitan pelaburan memproses nadir bumi, Lynas Corporation Limited (Lynas) di Gebeng, Pahang.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berpendapat, adalah lebih baik hal berkaitan pelaburan diulas oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

"Tiada sebarang kaitan antara Lynas dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, maksudnya beliau (Redzuan) tiada 'locus standi', saya ada sebagai (Ahli Parlimen Kuantan).

"Saya tetap dengan pendirian saya, sebab isu-



FUZIAH

nya seperti Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin kata, prasyarat untuk syarikat itu memperbaharui lesen ialah menghantar semula pembuangan sisa bahan radioaktif ke Australia," katanya di lobi Parlimen, semalam.

Fuziah menjangkakan Lynas harus memenuhi prasyarat tersebut pada Sep-

tember ini dan berdepan isu tidak dapat memperbaharui lesen jika gagal berbuat demikian.

"Pada pandangan saya, mereka gagal tepati tempoh, lesen mereka tidak akan diperbaharui, sebab ini prasyarat ditetapkan. Saya tidak rasa Lynas harus dibenar terus beroperasi jika tidak patuhi 'deadline'.

"Saya tak pernah nampak komitmen Lynas untuk penuhi standard Malaysia, sejak hari pertama beroperasi di sini," katanya.

Semalam, Mohd Redzuan berkata, pelaburan Lynas 'terlalu besar' untuk diabaikan kerajaan.

Malah, katanya, kerajaan tidak sewajarnya memaksa Lynas mengeksport semula sisa radioaktif ke negara pengeluarannya, Australia kecuali ia dinilai 'sangat tidak selamat'.

LAMPIRAN 3
SINAR HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 2
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

'Lynas perlu terus beroperasi'

Pelaburan kilang kontroversi proses nadir bumi di Gebeng terlalu besar untuk diabaikan

JANATUL FIRDAUS
YAACOB

KUALA LUMPUR

Pelaburan syarikat memproses nadir bumi, Lynas Corporation Limited (Lynas) yang dibangunkan di negara ini terlalu besar untuk diabaikan oleh kerajaan, kata Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof.

Atas sebab itu, beliau berkata, kerajaan tidak sewajarnya memaksa syarikat berkenaan mengeksport semula pembuangan sisa radioaktif ke Australia, kecuali ia dinilai sebagai selamat.

Menurutnya, kilang Lynas di Gebeng, Kuantan itu perlu terus dibenarkan

beroperasi seperti diputuskan Kabinet, dan beliau menyifatkan hal berkaitan pembuangan sisa radioaktif adalah isu berbeza.

"Kerajaan amalkan pendekatan mesra perniagaan. Oleh itu, kita akan mencari kaedah terbaik dalam pengurusan sisa bahan dari kilang tersebut.

"Pelaburan syarikat Lynas terlalu besar untuk diabaikan. Pada pandangan saya, kita perlu membincangkan isu ini dalam (mesyuarat) Kabinet. Kita perlu teruskan, terdapat alternatif lain untuk menguruskannya," katanya di lobi Parlimen, semalam.



Mohd Redzuan ketika ditemui media di lobi Parlimen, semalam.

Mohd Redzuan berkata, beliau akan mencadangkan supaya jawatankuasa peringkat tinggi bebas yang mengendalikan pelaburan Lynas menjalankan penyelidikan dan merekodkan hasil kajian tersebut dalam bentuk laporan awam.

Beliau menegaskan, langkah itu perlu bagi membolehkan orang ramai faham situasi sebenar bagaimana kerajaan menguruskan Lynas.

"Jika jawatankuasa itu berpendapat sisa kilang tidak selamat, kita perlu menutupnya, tetapi sekiranya tidak ada petunjuk (ia tidak selamat).

"Setakat yang saya tahu, hanya dakwaan menyatakan ia tidak selamat, selain cadangan supaya sisa itu harus diambil kembali ke Australia," katanya.

Sebelum ini, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mahu mengadakan kerjasama dengan Kerajaan Australia bagi memastikan sisa buangan Lynas dikembalikan ke negara itu.

Timbalan Menterinya, Isnaraissah Munirah Majilis berkata, kerjasama itu bertujuan memudahkan proses pengeluaran residu Water Leached Purification (WLP) yang dihasilkan kilang Lynas dihantar ke Australia. Langkah itu sepatutnya dilakukan sebelum September ini.

Redzuan tiad

KUALA LUMPUR – Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof tidak mempunyai 'locus standi' untuk mengulas lanjut berkaitan pelaburan memproses nadir bumi, Lynas Corporation Limited (Lynas) di Gebeng, Pahang.

LAMPIRAN 4
KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 14
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Sisa buangan Lynas akan diserahkan kepada Australia

Lynas didakwa jejas penduduk Gebei

Kilang Lynas tidak akan dibina di sini



Kementerian Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

KERATAN Kosmo! 1 April 2019

KUALA LUMPUR - Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim mahu mengadakan kerjasama dengan kerajaan Australia bagi memastikan sisa buangan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) dikembalikan ke negara itu.

Timbalan Menteri, Is-



Sidang Dewan Rakyat

naraissah Munirah Majilis berkata, kerjasama itu bagi mencari jalan dalam usaha memudahkan proses pengeluaran residu *Water Leached Purifica-*

tion (WLP) yang dihasilkan kilang Lynas dihantar ke Australia yang sepatutnya dilakukan sebelum September ini.

"Menteri (Leo Bee Yin) telah menulis surat kepada rakan sejawatannya di Australia pada 26 Februari lalu untuk memaklumkan mengenai kerjasama ini bagi memudahkan cara penge-

luaran sisa berkenaan dari Malaysia ke negara tersebut," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan **Wong Chen (PH-Subang)** berkenaan langkah diambil kerajaan dalam memastikan sisa buangan Lynas dikembalikan ke Australia.

LAMPIRAN 5
SINAR HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 19
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Perkasa syarikat lokal

**MTDC mahu
kurang bergantung
produk luar**

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) mahu memperkasa dan membangunkan lebih banyak syarikat tempatan yang boleh menghasilkan produk dan perkhidmatan bagi membantu usahawan kecil dan sederhana (IKS) ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Norhalim Yunus berkata, syarikat tempatan perlu dibangunkan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap produk dan perkhidmatan luar negara.

Menurutnya, MTDC perlu

membantu membangunkan syarikat tempatan dalam penghasilan produk dan perkhidmatan di negara ini.

"Jika kita tidak bangunkan syarikat tempatan sendiri maka nanti syarikat seperti IKS terpaksa membeli produk dan perkhidmatan dari negara luar.

"Jadi sebab itu kita kena bangunkan sendiri industri 4.0 supaya kita juga mampu mengeksport produk dan perkhidmatan mereka sekurang-kurangnya di semua negara Asean," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan MTDC Road2Growth 2019 - East Coast Region, semalam.

Norhalim berkata, dalam usaha ke arah industri 4.0, peranan Institusi pengajian tinggi (IPT) perlu dalam membangunkan teknologi bagi membolehkan usahawan menaiktaraf produk dan perkhidmatan mereka.



Norhalim bersama peserta program terbabit, semalam.

"IPT harus memainkan peranan mereka dalam menghasilkan teknologi supaya dapat membantu usahawan mencapai industri 4.0," katanya.

Dalam pada itu, Norhalim berkata, walaupun terdapat beberapa negara seperti Thailand, Singapura dan Indonesia sudah ke arah Industri 4.0, namun Malaysia masih mempunyai peluang.

Menurutnya, negara kita

juga masih boleh membangunkan segmen pembekalan produk dan perkhidmatan Industri 4.0.

"Saya akui kita banyak produk dan perkhidmatan datang dari negara China, Jepun, Jerman dan sebagainya namun ia tidak boleh menindakkan peluang untuk syarikat kita membangunkan produk dan perkhidmatan kita sendiri," katanya.

LAMPIRAN 6

BERITA HARIAN: MUKA SURAT 11

TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Isu Sungai Kim Kim menuntut tindakan berkesan

Bencana pencemaran sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor baru-baru ini mencatat detik hitam dalam lembaran pengurusan alam sekitar di negara.

Ini bukanlah insiden kali pertama seumpamanya berlaku sejak Malaysia mengubah sektor asas ekonominya dari negara berasaskan pertanian kepada negara berasaskan perindustrian pada 1984.

Negara amat pesat membangun dengan pelbagai inisiatif ditawarkan oleh kerajaan kepada pemain industri dan berjaya menarik bilion ringgit pelaburan ke dalam negara. Negara sudah mengaut keuntungan besar hasil pelaburan ini, namun kelestarian alam sekitar merosot hasil pencemaran industri.

Bertindak secara serius

Bencana Sungai Kim Kim menjadi *wake-up call* kepada semua pihak yang terbabit untuk mula bertindak secara serius dan efektif supaya insiden sama tidak berulang.

Sejak insiden ini berlaku, kerajaan bertindak proaktif dengan mewujudkan pusat gerakan bencana untuk menyelaraskan kerja



Abdul Qaiyum Musa

Ahli Kimia Kesihatan Persekitaran dan Alam Sekitar di ALS Technichem (M) Sdn Bhd

pengurusan bencana.

Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kimia Malaysia dan Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT) dikerah dalam mengenalpasti bahan pencemar dan membuat pemantauan kualiti udara di sekitar Pasir Gudang.

Tidak ketinggalan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) juga turut mengerakkan dua kumpulan iaitu Kumpulan Tinjau Kimia, Biologi, Radiologi dan Nuklear (CBRN) dan Kumpulan Nyah Cemar bagi membantu usaha pembersihan kawasan yang tercemar.

Namun, laporan perubatan didedahkan Dr Azlina Roszy, Pakar Psikologi Klinikal Persatuan Bantuan Perubatan Malaysia (Mercy Malaysia) mendapati 90 peratus

pesakit pencemaran toksik dikenal pasti menghidap hyperventilation syndrome akibat keresahan melampau dan mereka pulang tanpa perubatan.

Ini berpunca daripada berita palsu yang tersebar di media sosial serta *overreported* oleh pihak media, menambahkan lagi kegelisahan dan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Hal ini memberikan satu isyarat jelas bagi kita untuk menilai semula Prosedur Operasi Standard (SOP) pengurusan bencana.

Teliti dedah maklumat

Aspek penting lain yang perlu diambil kira ialah dari segi mengkoordinasi sumber berita yang dilaporkan oleh pihak berkuasa. Kita telah melihat pelbagai kenyataan dikeluarkan oleh agensi-agensi yang terbabit dan kadang-kala wujud percanggahan.

Pengumuman mengenai bahan pencemar yang dikesan perlulah dilakukan dengan teliti. Ketika bencana, penggunaan alat pengesan gas beracun boleh digunakan di lapangan dan perlu juga disahkan melalui keputusan analisis makmal supaya laporan yang ingin diumumkan kepada rakyat

diyakini kredibilitinya.

Hakikatnya, negara kita masih belum ada SOP yang lengkap dalam menghadapi pencemaran kimia, biologi dan radiologi.

Maka, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) harus bangkit dan mula menggubal SOP bagi menghadapi bencana pencemaran kimia seperti ini. NADMA perlu menubuhkan majlis penasihat bagi menasihati kerajaan mengenai pengurusan kesan kimia, biologi dan radiologi.

Dengan mengambil konsep serupa seperti diamalkan di Amerika Syarikat, majlis ini akan menyediakan pelan tindakan pengurusan bencana yang komprehensif meliputi aspek pengenalpastian bahan pencemar, persampelan dan ujian makmal serta pemantauan kualiti alam sekitar berterusan.

Juga perlu ialah pengawasan perubatan kepada mangsa yang terdedah kepada pencemaran melalui pengawasan biologi, penyahcemaran, pembersihan serta pengurusan sisa bahan pencemar.

Buat masa ini, kita lebih tertumpu kepada pengurusan bencana seperti banjir dan jerebu.

Anggaplah bencana Sungai Kim Kim ini sebagai percubaan dalam menyelaraskan latihan amal pengurusan bencana akibat pencemaran kimia. Saya juga kagum dengan pihak Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang berusaha keras dalam menangani bencana ini.

Lindungi alam sekitar

Pengumuman tegas oleh menteri untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 disambut baik oleh semua. Sumbangsaran oleh pemegang taruh dan pakar akademik amat ditagih dalam menggubal akta baharu ini supaya ia menjadi senjata dan perisai yang kuat untuk kita membela nasib alam sekitar kita.

Harus diingat, undang-undang sahaja tidak mampu untuk mencegah daripada insiden ini berulang. Jabatan Alam Sekitar harus bersedia siagakan pegawai-nya untuk membuat pemantauan yang kerap serta bertindak terhadap laporan pencemaran serta melakukan pemeriksaan susulan.

Semoga bencana ini menjadi iktibar untuk kita semua.

LAMPIRAN 7

UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 19

TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)



PESAWAH, Mat Sulaiman (tengah) bersama rakannya, Zaidi Mamat (kiri) dan Mohamad Syahdi Ismail menunjukkan petak sawah yang merekah akibat cuaca panas di Salor, Kota Bharu, Kelantan, baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

Bersedia hadapi perubahan iklim

SAUDARA PENGARANG,

BERADA berhampiran garisan Khatulistiwa, musim panas yang berterusan bukanlah perkara baharu bagi rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, dalam beberapa minggu yang lepas, kepanasan iklim tropika ini menjadi semakin kuat - menyebabkan ramai penduduk negara ini (yang mampu) memastikan pendingin hawa berada pada tali pinggang sejuk bagi menghilangkan kepanasan.

Kitaran El Nino yang menyebabkan cuaca panas telah tiba lagi dan dijangka berterusan sehingga Mei ini.

Walaupun Jabatan Meteorologi Malaysia menyatakan ia tidak terlalu kuat seperti 2016 tetapi suhu maksimum harian antara 36 dan 38 darjah Celsius sekarang telah menyebabkan penduduk berasa tidak selesa.

Kekurangan taburan hujan ketika musim panas ini memberikan kesan buruk kepada bekalan air kita yang semakin berkurangan - sama ada bagi penggunaan domestik atau komersial.

Musim panas dan kering ini bukanlah fenomena baharu dan kita semua sedia maklum akan kesannya dan langkah yang perlu diambil bagi menyesuaikan dengannya termasuk sentiasa berada di dalam bangunan dan minum lebih banyak air. Kebiasaan itu akhirnya menyebabkan penduduk menerima fenomena peningkatan suhu ini sebagai satu peristiwa yang berlaku begitu sahaja setiap tahun.

Bagaimanapun, satu hakikat yang hanya diketahui kita adalah peningkatan suhu ini

"Sikap Islamofobia ini harus ditentang dan dijauhi segenap lapisan masyarakat. Adalah menjadi tanggungjawab kita menolak fahaman menjurus Islamofobia yang jauh menyimpang dari fakta.

telah disahkan secara saintifik dengan Malaysia mencatatkan peningkatan purata daripada 0.13 darjah Celsius kepada 0.24 darjah Celsius antara 1969 dan 2014. Aliran peningkatan suhu ini dijangka akan berterusan.

Para saintis telah berulang kali memberi amaran implikasi berskala global akibat peningkatan suhu termasuk corak cuaca yang ekstrem (seperti kemarau, ribut dan taufan), kekurangan air dan makanan, kepupusan spesies, serta peningkatan paras laut.

Kesan ini amat dirasai oleh golongan yang kurang bernasib baik seperti Orang Asli yang bergantung kepada hasil hutan, komuniti yang menjadikan pertanian sebagai sumber rezeki, nelayan dan mereka yang hidup dalam kemiskinan.

Kota raya terutamanya mudah terjejas kerana ia tidak bergerak sekali gus menghalangnya menyesuaikan diri dengan perubahan iklim. Dalam senario yang lebih buruk, akan berlaku kekacauan sosial akibat kekurangan dan kenaikan harga makanan,

penghijrahan secara besar-besaran ke luar bandar dan kadar pengangguran yang tinggi.

Kira-kira 360 juta penduduk juga kini menetap di bandar yang terletak di kawasan pantai yang kurang daripada 10 meter daripada aras laut. Bandar berkenaan mudah terjejas akibat peningkatan paras laut dan ribut.

Perlu diingatkan bahawa Malaysia adalah antara negara yang mempunyai ramai penduduk yang tinggal di bandar yang berada dalam zon pinggir pantai yang rendah. Oleh itu, peningkatan paras laut boleh menyebabkan berlaku perpindahan penduduk secara besar-besaran.

Bagi menghadapi fenomena ini, sudah sampai masanya kerajaan Malaysia menggubal Pelan Penyesuaian Kebangsaan (NAP) untuk mengurangkan kesan perubahan iklim terhadap penduduk.

NAP juga memudahkan integrasi dilakukan dalam kalangan agensi dan jabatan kerajaan yang terlibat menangani isu perubahan iklim. Dengan adanya NAP, diharap tidak akan lagi berlaku penebangan hutan secara berleluasa dan pemusnahan ekosistem pantai yang penting seperti hutan bakau yang bertindak sebagai penampung ribut.

Malaysia mestilah melakukan dengan lebih baik dalam setiap perancangan supaya selaras dengan jangkaan perubahan iklim. Bertindaklah sekarang sebelum terlambat.

S.M. MOHAMED IDRIS
Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

LAMPIRAN 8
BERITA HARIAN: MUKA SURAT 10
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Suhu melampau jejas kesihatan

Oleh Prof Madya Mohd Hairy Ibrahim, Muhamad Ihsan Muhamad Ismail dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Prof Madya Dr Haryati Shafii, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
rencana@bh.com.my

Peningkatan suhu harian negara di beberapa negeri dicatatkan semakin meningkat sejak kebelakangan ini. Suhu purata di antara 33 darjah Celsius hingga 40 darjah Celsius dijangka akan berlaku dan membabitkan beberapa kawasan dan negeri di bahagian utara Semenanjung dan Sabah.

Bagi penduduk yang tinggal di utara tanah air seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak serta Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu diramalkan akan mengalami peningkatan suhu purata harian iaitu antara 33-37 darjah Celsius.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MET), peningkatan suhu ini dijangka berterusan sehingga Mei ini. Keadaan suhu yang meningkat ini sudah pasti memberi impak besar kepada kehidupan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan.

Masyarakat harus mengambil berat dan prihatin dalam menghadapi keadaan cuaca sebegini. Pentingnya sebagai langkah berjaga-jaga, membuat persediaan dan penyesuaian dalam menghadapi gelombang haba panas ini.

Merujuk rekod kaji iklim di Malaysia, negara ini pernah berdepan keadaan suhu melampau, iaitu sekitar 1998 dengan bacaan suhu tertinggi berada pada aras 40 darjah Celsius disebabkan oleh fenomena El Nino yang kuat.

Pada tahun ini, bermula Mac, berta-rikh 18 Mac 2019, MET menyatakan 20 kawasan berada di tahap 'waspada' kerana hampir mencecah suhu gelombang haba berikutnya suhunya mencecah 37-40 darjah Celsius.

Negeri yang tersenarai menerima gelombang haba ialah Perlis, Kedah, Perak, Pahang dan Selangor. Maklumat berkaitan perubahan cuaca dan gelombang haba seharusnya sentiasa diambil berat dan penting kepada masyarakat, terutama bagi mereka yang terbabit dengan aktiviti di bawah cahaya matahari seperti nelayan, petani, dan mengurang-

kan aktiviti di luar bagi mengelak fenomena cuaca panas melampau.

Menurut Pakar Klimatologi, Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Madya Dr Mohd Hairy Ibrahim keadaan suhu gelombang haba ini lebih ketara di kawasan bandar di Malaysia disebabkan pengaruh fizikal bandar, menjadikan keadaan panas bukan sahaja pada waktu siang, malah malam.

Sedia hadapi suhu melampau

Masyarakat harus peka perubahan suhu di Malaysia dan perlu bersiap sedia untuk menghadapi suhu melampau. Akan ada, hari-hari berlakunya hujan lebat, ada hari yang sangat panas dan kering dan dari waktu siang hingga malam mengalami suhu panas. Dalam sesetengah kes, anda mungkin mendapati diri berada dalam persekitaran suhu yang melampau.

Adalah penting untuk mengetahui maklumat ini kerana suhu yang meningkat akan memberi kesan terhadap kesihatan dan aktiviti penduduk. Sekiranya masyarakat mengambil maklum, prihatin dan peka dalam memahami situasi persekitaran yang panas melampau, mereka boleh mendapatkan bacaan suhu harian dengan hanya 'memuat turun aplikasi suhu tempatan' dalam telefon pintar.

Menurut Dr Mohd Hairy lagi, masyarakat perlu membuat persediaan menghadapi fenomena cuaca panas dan kering yang melampau kerana sudah ada perubahan ciri monsun yang berlaku dan akan mempengaruhi perubahan iklim di Malaysia.

Keadaan ini memerlukan pihak berkuasa dan masyarakat 'bersiap siaga' dalam menghadapi situasi bencana peningkatan suhu, hujan lebat serta banjir monsun atau banjir kilat. Selain itu, kejadian jerebu juga akan mudah berlaku apabila suhu harian mencatat kepanasan yang melampau. Dengan ini juga akan turut menyebabkan kualiti udara terjejas.

Sikap 'endah' dalam kalangan masyarakat menghadapi situasi panas melampau ini akan banyak membantu diri mereka, keluarga dan masyarakat sekitar dalam mendepani perkara ini.

Suhu harian yang panas melampau bukan sahaja membahayakan kesihatan dan ancaman terhadap tumbuhan dan haiwan bahkan akan mengganggu kelancaran aktiviti manusia. Justeru, pentingnya masyarakat mengambil endah

akan hal ini kerana, dalam keadaan suhu melampau, panas dan kering serta tidak berlakunya hujan dalam tempoh masa tertentu, akan memberi kesan terhadap sumber bekalan air.

Sungai, tasik dan empangan akan mengering. Catuan air akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa sebagai langkah pengurusan air kepada masyarakat. Oleh itu, masyarakat perlu mengamalkan langkah berjimat cermat dan elakkan pembaziran air. Apabila air sungai, tasik dan kolam mulai mengering, ia akan memberi kesan kepada hidupan yang bergantung kepada air secara sepenuhnya.

Pembakaran secara terbuka akan mengundang kepada jerebu dan pencemaran udara jika langkah berjaga-jaga tidak dijalankan. Masyarakat yang prihatin dan sedar akan kesan pembakaran terbuka akan mengelak daripada melakukan perbuatan ini kerana dikhuatiri akan lebih meningkatkan suhu, menyebabkan pencemaran udara dan jerebu di kawasan penempatan mereka.

Beri kesan kepada manusia

Kesedaran masyarakat sangat penting kerana majoriti pencemaran alam sekitar berlaku, disebabkan masyarakat tidak mengambil endah, tidak peduli dan kurang kesedaran terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Selain itu juga, suhu harian yang tinggi akan turut memberi kesan kepada tubuh badan manusia. Antaranya boleh mengakibatkan komplikasi seperti keletihan akibat haba yang tinggi, strok haba, kekejangan otot dan pengsan. Simptom penyakit yang berkaitan dengan haba bergantung pada jenis dan keparahan penyakit.

Beberapa gejala keletihan haba termasuk berpeluh yang melampau, keletihan, pening kepala, atau rasa pening apabila berdiri, nadi lemah tetapi cepat, perasaan mual dan muntah. Gejala strok haba pula termasuk kulit kemerahan yang terasa panas pada sentuhan, nadi kuat dan cepat, kehilangan kesedaran, dan suhu badan dalaman melebihi 39 darjah Celsius.

Seterusnya apabila suhu berada dalam lingkungan 32 dan 40 darjah Celsius, manusia boleh mengalami kekejangan otot, panas dan keletihan. Untuk suhu antara 40 dan 54 darjah Celsius pula, boleh berkemungkinan mengakibatkan keletihan haba. Masyarakat harus mengehendkan aktiviti apabila berada pada julat suhu ini.

LAMPIRAN 9 KOSMO! (NEGARA): MUKA SURAT 17 TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Penduduk dakwa kejadian semalam antara fenomena terbesar pernah disaksikan

Belalai air landa Tanjung Tokong

Oleh SYALMIZI HAMID

GEORGE TOWN – Penduduk di kawasan Tanjung Tokong di sini gempar selepas menyaksikan kejadian belalai air bersaiz besar yang melanda kawasan perairan negeri ini semalam.

Kejadian itu berlaku ketika keadaan cuaca hujan beserta angin kencang yang melanda beberapa kawasan di negeri ini kira-kira pukul 1.30 petang.



ZALEHA

Fenomena berkenaan dikatakan berlaku dalam tempoh kira-kira 15 minit yang datang dari arah laut menuju ke kawasan darat di sekitar Tanjung Tokong di sini.

Namun, rata-rata orang ramai mendakwa kejadian semalam adalah antara yang paling besar pernah disaksikan.

Seorang peniaga gerai pisang goreng di Pasar Tanjung Tokong, Zaleha Mat Zain, 52, berkata, dia sempat menyelamatkan diri ke masjid berdekatan ketika fenomena itu melintasi kawasan gerainya.

"Saya takut selepas dengar bunyi angin yang kuat ketika



BEBERAPA gerai turut terjejas ekoran keadaan cuaca hujan beserta angin kencang melanda kawasan Tanjung Tokong semalam.

sedang bersiap membuka gerai serta segera menutup gas dan lari.

"Angin kuat beserta hujan telah menerbangkan beberapa gerai peniaga lain sebelum angin kencang itu menuju ke kawasan kampung pula," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini semalam.

Belalai air merupakan fenomena puting bellung kecil yang berlaku di pesisiran pantai yang

tidak bahaya. Ia berlaku disebabkan kejadian ribut petir dalam keadaan awan yang rendah.

Kejadian itu dikatakan merupakan fenomena biasa yang sering berlaku di perairan negeri ini.

Sementara itu, seorang mangsa yang rumahnya rosak, Nona Khalid, 75, berkata, kejadian itu merupakan kali pertama yang dialaminya sejak tinggal di situ kira-kira 50 tahun lalu.



FENOMENA belalai air bersaiz besar berlaku kira-kira 15 minit di Tanjung Tokong semalam.

"Semasa kejadian saya sedang tunggu dua cucunya balik sekolah dan tiba-tiba angin ribut sebelum nampak belalai air dari arah laut menghampiri rumah."

"Bunyi yang begitu kuat sehingga saya terus masuk ke dalam rumah sebelum nampak sebahagian bumbung rumah telah diterbangkan angin," jelasnya.

Dalam kejadian itu, bumbung beberapa premis di kawasan

INFO Belalai air

- Fenomena puting bellung kecil yang terjadi di pesisiran pantai dan akan hilang apabila menghampiri kawasan daratan
- Berlaku dalam jangka masa singkat iaitu kurang daripada seminit
- Jabatan Meteorologi Malaysia menyifatkan fenomena belalai air sebagai tidak bahaya kerana hanya disebabkan oleh kejadian ribut petir
- Kebiasannya tidak membawa bencana kepada orang awam namun mendatangkan bahaya kepada bot dan kapal kecil yang berlayar di kawasan tersebut
- Pergerakan belalai air boleh mencapai kelajuan antara 50 hingga 80 kilometer sejam selain berupaya memusnahkan rumah-rumah di laluan angin berkenaan

berkenaan turut rosak akibat diterbangkan angin termasuk di Flat UDA dan rumah-rumah kampung di Jalan Tokong Thai Pak Khoong dan Kampung Tanjung Tokong.

Sekurang-kurangnya 30 buah rumah dilaporkan terjejas dan beberapa gerai diterbangkan angin namun setakat ini tiada laporan berhubung kecederaan atau kemalangan jiwa berlaku.

Bilik darjah rosak akibat ribut

IPOH – Seramai 180 murid Sekolah Kebangsaan (SK) Marian Convent di sini semalam terpaksa memulakan sesi persekolahan di luar bilik darjah selepas enam bilik darjah di sekolah tersebut rosak akibat ribut yang melanda kelmarin.

Sebahagian besar daripada murid dari empat buah kelas darjah enam dan dua buah kelas darjah empat itu dipindahkan ke dewan sekolah manakala sebahagian yang lain ditempatkan di bilik khas termasuk bilik pusat sumber, bilik teknologi maklumat dan komunikasi, kantin serta surau sekolah.

Guru Besar SK Marian Convent, Datin Fauziah Abdul Samat berkata, namun kejadian ribut yang berlaku kira-kira pukul 4 petang itu tiada sebarang kecederaan sebaliknya kerosakan teruk pada bumbung sebuah blok sekolah.

"Pemeriksaan mendapati sistem pendawaian elektrik dan perabot sekolah turut rosak selepas kelas berkenaan digenangi air.

"Kami mempunyai dua sesi persekolahan iaitu pada sebelah pagi dan petang



FAUZIAH



KEADAAN bilik darjah yang rosak akibat ribut melanda di SK Marian Convent, Ipoh kelmarin.

namun kerosakan tersebut tidak menjejaskan aktiviti pembelajaran kerana ia berjalan seperti biasa di lokasi lain di dalam sekolah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

25 buah rumah dinaiki air

AMPANG – Hujan lebat lebih sejam di sekitar daerah ini telah menyebabkan kira-kira 25 buah rumah terjejas akibat dinaiki air di Jalan Seirra Ukay 4, Taman Seirra Ukay sini malam kelmarin.

Pusat Gerakan Operasi Negeri Selangor dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan menerusi talian Pusat Gerakan Operasi Negeri Selangor pada pukul 11.14 malam.

"Seramai tujuh anggota bersama sebuah jentera diketuai Timbalan Penguasa Bomba, Ariff Mohamed Kassim dari Balai Bomba dan Penyelamat Ampang telah ditugaskan ke lokasi kejadian.

"Sebaik tiba, anggota bomba mendapati terdapat banyak lumpur selain kawasan terabit dinaiki air setinggi paras lutut bersamaan dengan 0.4 meter," katanya di sini semalam.

Tambahnya, lumpur berkenaan dipercayai disebabkan kerja-kerja pembinaan di hadapan rumah taman tersebut menyebabkan saluran longkang tersumbat.

"Kerja-kerja pembersihan lumpur dilakukan bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku selain



KAWASAN di Jalan Seirra Ukay4, Taman Seirra Ukay kelmarin dinaiki air setinggi paras lutut.

memastikan keselamatan pengguna jalan raya di kawasan terabit. Operasi tamat pada pukul 2.25 pagi," jelasnya.

LAMPIRAN 10
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Lynas: Apa pendirian sebenar PH?

Oleh HASIF IDRIS

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 APRIL

PRESIDEN Gerakan, Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai (**gambar**) mempersoalkan pendirian kepimpinan Pakatan Harapan (PH) berhubung isu syarikat memproses nadi bumi, Lynas Corporation Limited (Lynas) di negara ini.

Beliau berkata, kenyataan kepimpinan PH lebih mengelirukan apabila Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof hari ini memaklumkan bahawa Kerajaan PH mengamalkan pendekatan mesra perniagaan, justeru akan mencari kaedah terbaik dalam pengurusan sisa bahan tersebut kerana pelaburan Lynas terlalu besar untuk diabaikan.

“Pemimpin PH sering berbalah dan saling tidak bersetuju tentang isu Lynas secara terbuka. Oleh itu, saya menggesa supaya kerajaan menjelaskan kepada umum sama ada pelaburan Lynas itu selamat

ataupun tidak, dan adakah kerajaan akan membenarkan projek itu terus beroperasi ataupun tidak,” soal Dominic dalam kenyataan di sini hari ini.

Sebelum ini, Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee



Yin menetapkan, prasyarat untuk syarikat itu memperbaharui lesen adalah menghantar pembuangan sisa bahan radioaktif ke Australia. Kenyataan itu juga disokong penuh oleh Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh.

Mengulas lanjut mengenai kenyataan Mohd. Redzuan, Dominic berkata, kenyataan itu secara jelas merupakan satu lagi pusingan U yang mengkhianati janji ke-39 dalam manifesto PH iaitu mengimbangi pembangunan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar.

“Ini adalah satu petunjuk kuat bahawa kerajaan sebenarnya berhasrat untuk membenarkan Lynas terus beroperasi sebagaimana Laporan Jawatankuasa Semakan Lynas yang berusaha sedaya upaya supaya lesen mereka diperbaharui walaupun

Saya menggesa supaya kerajaan menjelaskan kepada umum sama ada pelaburan Lynas itu selamat ataupun tidak, dan adakah kerajaan akan membenarkan projek itu terus beroperasi ataupun tidak.”

DOMINIC LAU HOE CHAI

mendapat tentangan hebat.

“Saya juga mempersoalkan pendirian kerajaan mengenai laporan jawatankuasa itu yang mendapati bahawa sebarang peningkatan dalam kepekatan logam berat di dalam air bawah tanah bukan disebabkan oleh operasi Lynas.

“Adakah kerajaan akan menerima penjelasan tersebut atau adakah ini adalah permulaan bahawa Kerajaan PH secara rasmi akan membenarkan Lynas meneruskan operasinya?” soalnya lagi.

LAMPIRAN 11
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Mohd. Redzuan tiada locus standi – Fuziah

KUALA LUMPUR 1 April - Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof tiada locus standi untuk mengulas lanjut mengenai pelaburan syarikat memproses nadir bumi, Lynas Corporation Ltd. (Lynas) di Gebeng, Pahang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Fuziah Salleh berpendapat, adalah lebih baik hal-hal berkaitan dengan pelaburan diulas oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

“Tiada sebarang kaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, maksudnya dia (Mohd. Redzuan) tiada locus standi, saya ada.

“Saya tetap dengan pendirian saya seperti yang Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin iaitu prasyarat untuk syarikat itu memperbaharui lesen adalah

menghantar pembuangan sisa bahan radioaktif ke Australia,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Terdahulu, Mohd. Redzuan memberitahu, pelaburan Lynas di negara ini ‘terlalu besar’ untuk kerajaan Pakatan Harapan (PH) abaikan.

“Pada pendapat saya, kita perlu berbincang dalam Kabinet, kita perlu meneruskan dan isu sisa itu perkara yang berlainan. Terdapat alternatif lain untuk menguruskannya,” kata Ahli Parlimen Alor Gajah itu.

Sementara itu, Fuziah yang juga Ahli Parlimen Kuantan berkata, Lynas perlu mematuhi syarat tersebut sebelum September jika mahu meneruskan pelaburan di negara ini.

“Saya tidak nampak Lynas komited untuk mematuhi syarat yang ditetapkan sejak hari pertama. Tak nampak komitmen untuk mengikut dan mematuhi mengikut standard Malaysia,” katanya.



FUZIAH SALLEH

LAMPIRAN 12
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Pelaburan Lynas 'terlalu besar' untuk diabaikan

Oleh FARHANA JONI
pegarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 1 April - Pelaburan syarikat memproses nadi bumi, Lynas Corporation Limited (Lynas) di negara ini 'terlalu besar' untuk diabaikan kerajaan Pakatan Harapan (PH).

Tegas Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof (**gambar**), atas sebab itu kerajaan tidak sepatutnya memaksa syarikat berkenaan mengambil tindakan untuk eksport pembuangan sisa radioaktif itu ke Australia, kecuali dinilai sebagai 'sangat tidak selamat'.

Beliau berpendapat, kilang itu perlu terus dibenarkan menjalankan operasi di negara ini seperti yang telah diputuskan oleh Kabinet, dan hal yang berkaitan dengan pembuangan sisa radioaktif adalah isu berbeza.

"Kerajaan PH mengamalkan pendekatan mesra perniagaan justeru akan mencari kaedah terbaik dalam pengurusan

sisa bahan tersebut. Pelaburan Lynas terlalu besar untuk diabaikan.

"Pada pendapat saya, kita perlu berbincang dalam Kabinet, kita perlu meneruskan dan isu sisa itu perkara yang berlainan. Terdapat alternatif lain untuk menguruskannya," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Jelas Mohd. Redzuan yang juga Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), beliau akan mencadangkan supaya jawatankuasa bebas peringkat tinggi yang mengendalikan pelaburan Lynas menjalankan penyelidikan dalam bentuk laporan awam.

Kata beliau, langkah itu bagi membolehkan orang ramai faham keadaan sebenar bagaimana kerajaan PH menguruskan Lynas tapi buat masa ini terlalu awal untuk memaksa syarikat berkenaan



membawa pulang sisa radioaktif itu.

"Jika jawatankuasa itu berpendapat sisa tidak selamat, katakan ia sangat tidak selamat, maka kita perlu menutupnya.

"Tetapi sekarang tidak ada petunjuk dan setakat yang saya tahu

dakwaannya menyatakan ia tidak selamat selain cadangan supaya sisa itu harus diambil kembali," katanya.

Terdahulu dalam sesi soal jawab Dewan Rakyat, **Timbalan Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Isnaraissah Munirah** Majlis memberitahu, pihaknya mahu mengadakan kerjasama dengan kerajaan Australia bagi memastikan sisa buangan Lynas.

Semalam, Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh menegaskan projek Lynas di Gebeng menjejaskan penduduk kampung yang tinggal di kawasan berhampiran.

LAMPIRAN 13
NEW STRAITS TIMES (BUSINESS / NEWS): MUKA SURAT 18
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

1,700MW GREEN ENERGY GOAL

TNB building RM180m solar plant in Kedah

KUALA LUMPUR: Tenaga Nasional Bhd (TNB) is raising its target to provide up to 1,700 megawatts (MW) of renewable energy by 2025 with another large scale solar (LSS) project in Kedah.

The RM180 million project in Bukit Selambau involves the installation of 134,880 solar photovoltaic panels on a 50ha site.

The project is being developed by TNB Bukit Selambau Solar Sdn Bhd, a wholly-owned subsidiary of TNB Renewables Sdn Bhd.

TNB chairman Tan Sri Leo Moggie said it would not only be a landmark for Bukit Selambau, but also provided socio-economic spillover effects to people within the vicinity.

"This LSS project will provide job opportunities when the project is being developed," he said at the project's groundbreaking, here, on Sunday.

According to Leo Moggie, the LSS project was expected to be completed within the next 24

months with the commercial operation target date on December 31 next year.

It will be developed by the same team that built the country's first major LSS in Sepang, Selangor.

The groundbreaking of the LSS project was officiated by Kedah Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir yesterday.

"The state government hopes that TNB will submit its bids to increase the capacity of the LSS project in Bukit Selambau, which can achieve generation up to 100MW," he said.

Mukhriz said if TNB managed to increase the LSS project capacity to 100MW, it would turn Bukit Selambau into a solar town.

TNB said the LSS project with a capacity of 30MW marked another milestone in its journey to provide renewable energy totalling 1,700MW by 2025, in line with the government's 20 per cent renewable energy goal.



Tan Sri Leo Moggie

LAMPIRAN 14
SINAR HARIAN: MUKA SURAT 41
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

TNB terus komited bangunkan tenaga mesra alam

TENAGA Nasional Bhd (TNB) terus komited membangunkan tenaga mesra alam dalam mencapai sasaran keupayaan tenaga boleh baharu (RE) sebanyak 1,700 MW menjelang 2025.


Terkini, syarikat itu telah mengadakan majlis pecah tanah Projek Solar Berskala Besar (LSS) di Bukit Selambau, Kedah, yang dijangka siap dalam tempoh 24 bulan,



dengan tarikh sasaran sperasi komersial pada 31 Disember 2020.

Majlis pecah tanah LLS bernilai RM180 juta itu, yang melibatkan pemasangan 134,880 panel solar fotovoltan di tapak projek seluas 50 hektar, disempurnakan oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir, kata TNB dalam kenyataan.

LAMPIRAN 15
NEW STRAITS TIMES (NEWS / NATION): MUKA SURAT 14
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)



HUGE

A videograph showing a waterspout in Tanjung Tokong, George Town, yesterday.

Waterspout damages 15 village homes in Penang

GEORGE TOWN: At least 15 village homes in Jalan Tanjung Tokong Lama here were damaged by a massive waterspout at 1.30pm yesterday.

The waterspout appeared following a downpour before noon.

Housewife Aishah Hashim, 64, was about to perform her Zohor prayers when the roof of her double-storey home flew apart.

"I was about to perform my prayers when it happened. I was alone and terrified, and did not know what to do.

"I ran out of the house. Everything happened in a split second. Now, I have nowhere to stay for the night."

Another resident, Mohd Fareez Othman, 31, said he was hanging out with his friends when the waterspout hit them.

He said they took cover at a nearby building.

"It (waterspout) was huge. I have lived here for more 20 years, and have never seen something like that.

"We feared the worse, but, *alhamdulillah*, no one was injured."

A 20-second video of the phenomenon went viral.

Civil Defence Force personnel were deployed to the scene.

A similar incident occurred near the Penang Bridge in April 2017 and later in October the same year.

LAMPIRAN 16
UTUSAN MALAYSIA (FORUM): MUKA SURAT 18
TARIKH: 2 APRIL 2019 (SELASA)

Sesuaikah STEM?

SAUDARA PENGARANG,

APABILA ahli politik, pemimpin perniagaan dan ahli akademik bercakap tentang mendidik untuk masa depan, maka ramailah yang menyentuh tentang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM). Walau bagaimanapun, desakan dan tumpuan yang banyak diberikan terhadap STEM di sekolah dan unjuran agar lebih ramai orang menerima latihan dalam STEM menjana risiko yang perlu kita beri perhatian.

Mendidik orang untuk pekerjaan mungkin memberi mereka kemahiran dan pengetahuan. Tetapi ketika pendidikan hanya terbatas kepada latihan, kita akan menutup pemikiran siswa untuk hal-hal yang mungkin tidak diterjemah ke dalam pekerjaan.

